

KESEDIAAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI SELAYANG DARI ASPEK MINAT DAN SIKAP TERHADAP BIDANG KEMAHIRAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (PTV) DALAM SISTEM MODULAR KEBANGSAAN

*Suriyati Yaapar, Merhayati Sipon, Shaffe Mohd Daud
Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian awal yang dijalankan untuk mengenalpasti kesediaan pelajar Kolej Komuniti Selayang dari aspek minat dan sikap terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan. Pelajar-pelajar Kolej Komuniti Selayang ini dipilih sebagai responden kerana mereka sedang mengikuti kurikulum baharu Sistem Modular Kebangsaan yang berasaskan kepada kaedah pembelajaran tindakan atau AOL (Action Oriented Learning). Seramai 50 orang responden daripada bidang Kulineri CC301 yang sedang mengikuti pengajian dalam bulan Disember 2012 di Kolej Komuniti Selayang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan data dikumpul melalui borang soal selidik yang mengandungi 18 item untuk mengukur minat dan 16 item untuk mengukur sikap pelajar. Kesahan item dibuktikan daripada kajian terdahulu, manakala nilai indeks kebolehpercayaan item diuji menggunakan cronbach alpha di mana soal selidik bagi minat adalah $\alpha = 0.926$ dan bagi sikap adalah $\alpha = 0.951$. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS V21.0. Statistik deskriptif melibatkan pengukuran min, sisihan piawai dan pekali korelasi untuk dapatan data dan penilaian soal selidik. Dapatan kajian mendapati pelajar mempunyai tahap minat yang tinggi (min keseluruhan = 4.00) dan mempunyai sikap yang sangat positif (min keseluruhan = 4.11) dengan bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional). Dapatan analisa SPSS pekali korelasi Pearson menunjukkan dapatan p adalah .00 dan pengkaji merumuskan bahawa sikap dengan minat adalah berkait secara signifikan dengan nilai pekali $r = .836$ menunjukkan perkaitan yang kuat. Dapatan kajian memberi implikasi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah. Bagi meningkatkan pencapaian dan meningkatkan minat serta motivasi kepada sikap pelajar seharusnya pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar (contohnya kooperatif, simulasi, konseptual) diamalkan agar dapat membentuk sikap yang lebih positif di kalangan pelajar.

Kata Kunci : sikap, minat, Sistem Modular Kebangsaan, kemahiran

Pengenalan

Pendidikan di zaman milenium ini berperanan besar dalam membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam semua bidang. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan drastik dalam sektor perindustrian masa kini amat memerlukan tenaga mahir dan separa mahir yang mencukupi untuk merealisasikan gagasan Wawasan 2020. Ramlee Mustapha dan James P. Greenan (2002) berpendapat bahawa dalam merealisasikan Wawasan 2020 secara umumnya, para majikan bersetuju bahawa pendidikan teknik dan vokasional dapat membantu menyediakan pekerja mahir dan separa mahir yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah sedaya upaya melahirkan golongan pelapis muda yang berkemahiran dalam pelbagai bidang untuk keperluan negara, malahan secara tidak langsung kemahiran yang diperolehi dapat membantu setiap individu untuk berdikari dan memajukan diri. Langkah ini direalisasikan melalui penubuhan sekolah teknik dan vokasional bagi menyediakan secara berterusan tenaga manusia untuk membangunkan sektor ekonomi (Gough, 2010). Di samping itu, Pelan Transformasi Kerajaan 2011 serta Pelan Induk Pendidikan 2013-2015 juga menekankan pembangunan dan pengembangan pendidikan teknik dan vokasional di mana Kementerian Pelajaran Malaysia di agenda Transformasi Kerajaan (GTP) dengan mewujudkan Kolej Vokasional pada 2012.

Menurut RMK10 (2009), tidak ada negara mampu mencapai kemajuan tanpa memiliki modal insan cemerlang yang berkemahiran tinggi, boleh bertindak balas dengan pantas dan



kreatif terhadap perubahan ekonomi, dan berpaksikan kepada penjana dan penggunaan pengetahuan. Bab Lima (5) buku Rancangan Malaysia Ke10 (RMK10, 2009) turut menyatakan bahawa modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Pelajar lepasan SPM di Malaysia mempunyai banyak pilihan di pelbagai institusi pendidikan dan latihan bagi melanjutkan pelajaran mereka. Pendidikan vokasional merupakan satu peluang alternatif kepada pelajar selain pendidikan akademik. Pendidikan vokasional mempunyai peranan untuk memperkenalkan konsep dunia pekerjaan kepada para pelajar (Jamunarani, 2011).

Kajian Literatur

Pihak kerajaan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan generasi yang berpengetahuan dan berkelayakan dalam pelbagai bidang. Terdapat pelbagai institusi yang dikendalikan di bawah kementerian tertentu di mana masyarakat boleh menimba pengetahuan mengikut kelayakan dan minat mereka.

Bidang Kemahiran Pendidikan Teknik dan Vokasional

Menurut Aziz Deraman, Syahrul Fahmy M.Naim Yaakub dan A.Aziz Jemain (2002) pendidikan vokasional menyediakan pendidikan yang khusus dan program latihan kepada pelajar untuk memiliki kemahiran tertentu. Pernyataan ini dipersetujui oleh Nwagwu (2003), semua sistem pendidikan di dunia memberi keutamaan kepada pendidikan vokasional. Pendidikan vokasional dibentuk bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas vokasional dan teknikal. Objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih responsif terhadap keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh terutama guna tenaga mahir dan separa mahir (Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin dan Hamdan Mohd Ali, 2003). Lankard dan Bettina (1994) pula menyatakan kebanyakan tinjauan mendapati majikan amat puas dengan graduan yang berlatar belakang teknik vokasional. Sependapat dengan itu, Abdul Hakim (2006) pula menyatakan peluang kerjaya begitu cerah kerana bidang kemahiran sama ada separa mahir ataupun mahir dalam menawarkan bidang pekerjaan yang menarik, mencabar dan memberi pulangan gaji yang lumayan.

Minat Pelajar Terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional

Sharifah (1983) mendefinisikan minat sebagai kecenderungan untuk mendekati sesuatu objek atau aktiviti yang berkaitan dengan objek tersebut. Minat merupakan satu faktor penting untuk menjayakan sesuatu matlamat dan mendorong perubahan sikap pelajar terhadap sesuatu proses pembelajaran. Holland (1985) yang menyatakan bahawa minat seperti minat dalam satu-satu bidang latihan atau pekerjaan yang khusus merupakan faktor kedua penting dalam mempengaruhi perkembangan kerjaya. Menurut Habibah (1997), sesuatu kerja atau aktiviti akan diusahakan dengan nilai konsentrasi yang tinggi jika individu tersebut mempunyai minat terhadap kerja tersebut. Oleh itu minat boleh dianggap sebagai penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian terhadap sesuatu perkara. Disokong pula oleh Asnul Dahar Minghat dan Rabbiah Sikh Mohamad (2008), bahawa pelajar-pelajar aliran vokasional bersetuju bahawa minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari. Tambahan pula, minat memainkan peranan yang penting bagi membantu seseorang pelajar mencapai kejayaan dan minat yang wujud dalam diri seseorang pelajar akan mempengaruhi proses pembelajarannya (Zainuddin Abu Bakar dan Fadzilah Tumin, 2011). Ini jelas menunjukkan minat membuatkan seseorang individu itu dapat menyelesaikan kerjanya dengan lebih memuaskan berbanding tanpa minat dan atas desakan orang lain. Walau bagaimanapun, pendidikan teknik dan vokasional tidak semestinya diminati oleh semua (Jandhyala, 2002). Ramai pelajar masih mengharapkan pendidikan formal dan tidak memandang serius akan pendidikan vokasional. Masih terdapat ramai pelajar yang tidak sedar akan kewujudan pendidikan vokasional dan kelebihanannya. Christine dan Tom (2000), dalam



kajian mereka menunjukkan sebab utama pelajar ingin menceburi pendidikan vokasional adalah kerana tidak menunjukkan keputusan baik dalam tugas akademik, lebih suka tugas praktikal dan ingin mengambil latihan daripada memilih pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi.

Sikap Pelajar Terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional

Sikap dalam kajian ini berkaitan dengan pembelajaran. Ee (1996) mendefinisikan sikap sebagai kesediaan mental dan saraf yang disusun melalui pengalaman yang seterusnya mempengaruhi gerak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya. Sikap yang positif dapat dilihat daripada reaksi, tindak balas atau hasil tingkah laku yang baik dan selaras dengan norma-norma masyarakat. Rahil (1995) pula menyatakan sikap ialah sebahagian daripada personaliti individu yang dipengaruhi oleh tingkah laku yang ada hubungan dengannya. Beliau juga menyatakan sikap positif terhadap pembelajaran akan meningkatkan pencapaian pelajar. Kajian Zamrah (1999) juga menunjukkan bahawa sikap yang positif dapat melahirkan insan manusia yang cemerlang dan berwawasan.

Kolej Komuniti


Kolej Komuniti menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Visi Kolej Komuniti adalah menjadi pusat perkembangan pendidikan dengan iltizam untuk membina komuniti yang berilmu dan berkemahiran seiring dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Misi Kolej Komuniti pula adalah meluaskan akses pendidikan, meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kesejahteraan masyarakat melalui program latihan, kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat. Manakala objektif penubuhan Kolej Komuniti ialah menyediakan pendidikan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan holistik dengan menyediakan pendidikan dan latihan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat serta menganjur dan menyediakan latihan peningkatan kemahiran (*up-skilling*), latihan pemantapan kemahiran (*re-skilling*), dan latihan sangkutan (*attachment training*) untuk keperluan tenaga kerja setempat. Kolej komuniti menawarkan kursus kemahiran dalam 25 jenis bidang perkhidmatan sejak tahun 2010. Kursus-kursus ini direka supaya menyamai piawaian kehendak industri atau perkhidmatan. Kurikulum yang dibina dan digunakan adalah hasil daripada perbincangan dengan wakil-wakil industri. Kursus di buat mengikut topik dan jangka waktu bagi sesuatu modul itu adalah diantara 3 hingga 6 bulan. Kolej Komuniti menawarkan 3 jenis kursus:

1. Kursus Jangka Pendek
2. Kursus Sijil Modular Kebangsaan
3. Sijil Kolej Komuniti

Sijil Modular Kebangsaan

Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), kerajaan memperkenalkan pendekatan yang lebih inovatif bagi Kolej Komuniti melalui pelaksanaan program latihan kemahiran secara modular. Modular (Rajah 2) boleh digabung untuk melayakkan pelajar dianugerahkan persijilan yang lebih tinggi. Secara khususnya, program ini akan menyediakan peluang peningkatan kemahiran kepada pelajar yang cenderung kepada bidang teknikal atau vokasional tetapi tidak dapat melengkapkan 11 tahun pendidikan asas. Pendekatan modular yang lebih fleksibel ini akan menawarkan 135 kursus yang berlainan menjelang tahun 2015 berbanding dengan 52 pada tahun 2010. Sasaran jumlah enrolmen kolej komuniti akan meningkat daripada 31,000 pelajar pada tahun 2010 kepada 120,000 pelajar menjelang tahun 2014. Kurikulum Kemahiran Sijil Bermodular Kebangsaan adalah suatu perancangan latihan dan pembelajaran kemahiran berbentuk modular jangka pendek (3 hingga 6 bulan) yang merangkumi kompetensi teknikal, pengetahuan dan sosial. Program-program latihan kemahiran jangka pendek ini dipanggil Sijil Modular Kebangsaan (SMK) seperti di Rajah 1.






Rajah 1: Visi dan Matlamat Pelaksanaan SMK

Sumber : <http://www.kkrompin.edu.my/akademik/kursus-sepenuh-masa/pengenalan-sijil-sepenuh-masa.html>

Setiap kursus Sijil Modular Kebangsaan mewakili set kemahiran minimum (*minimum skill set*) sesuatu skop kerja yang membolehkan seseorang mendapatkan akses kepada pekerjaan seperti di Rajah 2. Model Kurikulum ini adalah berbentuk “*Outcome-based Education*” dan “*Competency-based Education*” yang berasaskan “Pembelajaran Berasaskan Tindakan” atau “*Action Oriented Learning*” (Kamarudin Tahir, Zulkifli Ariffin, Norliza Azis, Faisal Abd Rahman, 2010; Martin Fischer, 1996). Kursus Sijil Modular Kebangsaan (SMK) berjalan diantara 3 bulan hingga 6 bulan secara sepenuh masa.



Rajah 2 : Konsep Pembelajaran SMK

Sumber : <http://www.kkrompin.edu.my/akademik/kursus-sepenuh-masa/pengenalan-sijil-sepenuh-masa.html>

Model Konseptual Kerangka Kajian

Rekabentuk kajian merupakan perancangan dan prosedur kepada sesuatu kajian penyelidikan yang dapat memandu dan menentukan halatuju kajian; daripada tanggapan umum di awal kajian kepada perincian pengumpulan dan analisa di akhir kajian (Creswell, 2009). Menurutny lagi, rekabentuk kajian merujuk kepada permasalahan atau isu yang ingin dikaji,



berdasarkan kepada pengetahuan atau pengalaman pengkaji dan juga pembaca kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif kerana dapatan yang disasarkan hanya akan dianalisa secara deskriptif sahaja. Model Konseptual kajian adalah seperti di Rajah 3 di bawah di mana pengkaji ingin melihat adakah pelajar-pelajar SMK di Kolej Komuniti mempunyai sikap dan minat terhadap bidang kemahiran umumnya, dan pendidikan teknik dan vokasional khususnya.



Rajah 3 : Model Konseptual Kajian
(adaptasi dari Zulzana *et. al.*, 2012)

Pernyataan Masalah

Analisis keputusan peperiksaan SPM 2005 – 2009 di Jadual 1a menunjukkan dua (2) daripada enam (6) matapelajaran yang menjurus kepada pendidikan teknik dan vokasional menunjukkan peningkatan iaitu matapelajaran Perdagangan dan Prinsip Akaun. Manakala empat (4) matapelajaran kemahiran yang lain iaitu Grafik Berkomputer, Hiasan Dalaman Asas, Produksi Multimedia dan Pendidikan Seni Visual tidak menunjukkan peningkatan (kekal). Analisis ini telah mendorong penyelidik untuk mengenalpasti sikap dan minat pelajar terhadap kemahiran amnya, dan pendidikan teknik dan vokasional khususnya.



Jadual 1a: Analisa Keputusan Pencapaian Pelajar dalam Matapelajaran Pendidikan Vokasional (MPV) SPM 2005 hingga 2009

ANALISIS PERBANDINGAN PERATUS LULUS MENGIKUT MATA PELAJARAN SPM 2005 – 2009												
BIL.	MATA PELAJARAN	PERATUS LULUS					PERATUS GAGAL					PENCAPAIAN KESE-LURUHAN (2008-2007)
		2005	2006	2007	2008	2009	2005	2006	2007	2008	2009	
1	BAHASA MELAYU	92.60	95.70	91.07	96.97	90.90	7.40	4.30	8.93	3.03	9.10	MENINGKAT 5.9%
2	BAHASA INGGERIS	49.10	82.90	75.00	60.61	61.80	51.90	17.10	25.00	39.39	38.10	MENURUN 14.39%
3	MATEMATIK	59.30	76.50	72.73	77.27	74.50	40.70	23.50	27.27	22.73	25.40	MENINGKAT 4.54%
4	SEJARAH	74.10	72.30	80.36	81.82	57.40	25.90	27.70	19.64	18.18	42.50	MENINGKAT 1.46%
5	SAINS	92.60	97.80	94.64	96.97	92.70	7.40	2.20	5.36	3.03	7.20	MENINGKAT 2.33%
6	PENDIDIKAN ISLAM	73.60	86.00	80.00	93.3	78.40	26.40	14.00	20.00	6.70	21.50	MENINGKAT 13.3%
7	PENDIDIKAN MORAL	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	KEKAL 100%
8	PERDAGANGAN	83.30	100.00	89.74	100.00	94.70	16.70	0.00	10.26	0.00	5.30	MENINGKAT 10.26%
9	PRINSIP AKAUN	5.00	73.60	-	84.21	85.70	95.00	26.60	-	15.79	14.20	MENINGKAT 10.61%
10	GRAFIK BERKOMPUTER	-	100.00	100.00	100.00	100.00	-	0.00	0.00	0.00	0.00	KEKAL 100%
11	HIASAN DALAMAN ASAS	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	KEKAL 100%
12	PRODUKSI MULTIMEDIA	-	100.00	100.00	100.00	100.00	-	0.00	0	0.00	0.00	KEKAL 100%
13	PEND. SENI VISUAL	-	100.00	-	100.00	100.00	-	0.00	-	0.00	0.00	KEKAL 100%
14	KESUSASTERAAN MELAYU	-	-	41.18	57.14	41.10	-	-	58.82	42.86	58.80	MENINGKAT 15.97%

Sumber Kementerian Pelajaran Malaysia 2010

Jadual 1b : Statistik Enrolmen Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti 2001 hingga 2011

TAHUN	BIL. KOLEJ	ENROLMEN
2001	12	1,108
2002	17	3,207
2003	34	6,424
2004	34	7,983
2005	34	9,929
2006	35	11,273
2007	35	14,011
2008	37	17,082
2009	39	17,279
2010	64	18,200
2011	70	6,319

Sumber : Bahagian Pengambilan Pelajar, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Statistik 2001-2011

Jadual 1c : Statistik Enrolmen Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti Mengikut Bidang Kemahiran (2010 dan 2011)

BILANGAN PELAJAR BAGI KEMASUKAN, ENROLMEN DAN GRADUAN MENGIKUT JANTINA BERDASARKAN BIDANG PENGAJIAN (2010-2011) NUMBER OF STUDENTS FOR ENTRANT, ENROLMENT AND GRADUAND BY GENDER ACCORDING TO FIELDS OF STUDY (2010-2011)											JADUAL TABLE 4.3
BIDANG PENGAJIAN FIELDS OF STUDY	TAHUN YEAR	KEMASUKAN ENTRANT			ENROLMEN ENROLMENT			GRADUAN GRADUAND			KOLEJ KOMUNITI / COMMUNITY COLLEGES
		L/M	P/F	J/T	L/M	P/F	J/T	L/M	P/F	J/T	
SASTERA & KEMANUSIAAN ARTS & HUMANITIES	2011	-	-	0	321	167	508	222	151	373	101
	2010	445	243	693	677	409	1,085	180	151	331	
SAINS SOSIAL, PERNIAGAAN & PERUNDANGAN SOCIAL SCIENCES, BUSINESS & LAW	2011	-	-	0	95	230	325	40	151	191	
	2010	123	263	391	173	461	634	53	250	303	
SAINS, MATEMATIK & KOMPUTER SCIENCE, MATHEMATICS & COMPUTER	2011	-	-	0	954	785	1,739	668	673	1,341	
	2010	1,112	863	1,975	1,523	1,577	3,400	598	696	1,294	
KEJURUTERAAN, PEMBUATAN & PEMBINAAN ENGINEERING, MANUFACTURING & CONSTRUCTION	2011	-	-	0	1,519	489	1,968	2,313	420	2,733	
	2010	4,156	1,687	5,843	6,987	2,960	9,947	2,945	1,302	4,248	
PERTANIAN & VETERINAR AGRICULTURE & VETERINARY	2011	-	-	0	103	45	148	68	47	115	
	2010	127	62	189	199	104	303	58	42	100	
PERKHIDMATAN SERVICES	2011	-	-	0	337	1,274	1,611	452	1,419	1,871	
	2010	605	993	1,598	1,075	1,755	2,790	379	805	1,184	
JUMLAH TOTAL	2011	0	0	0	3,329	2,998	6,319	3,763	2,861	6,624	
	2010	6,568	4,121	10,689	10,934	7,266	18,200	4,214	3,248	7,462	

Sumber: Statistik Kementerian Pengajian Tinggi 2012



Jadual 1b pula merupakan statistik enrolmen pengambilan pelajar di Kolej Komuniti dari tahun 2001 hingga 2011 manakala Jadual 1c pula menunjukkan statistik enrolmen pelajar Kolej Komuniti mengikut bidang. Data daripada kedua-dua jadual ini menunjukkan satu perubahan yang agak ketara terutama apabila Sistem Modular Kebangsaan mula dilaksanakan. Memandangkan Sistem Modular Kebangsaan diperkenalkan pada 2011, perbezaan penurunan yang selari di antara statistik enrolmen pelajar Kolej Komuniti dan statistik enrolmen pelajar mengikut bidang kemahiran di Kolej Komuniti dilihat agak ketara pada tahun 2011. Hasrat EPU dalamewartakan Sistem Modular Kebangsaan di Kolej Komuniti adalah untuk meningkatkan akses dalam bidang kemahiran teknik dan vokasional di Kolej Komuniti, namun begitu statistik yang diperolehi di awal pelaksanaan SMK tidak menggambarkan pencapaian yang disasarkan. Oleh yang demikian, satu kajian perlu di buat bagi melihat keberkesanan program modular itu supaya satu penambahbaikan segera dapat di ambil seterusnya meningkatkan lagi akses pelajar di Kolej Komuniti. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian awal (*preliminary study*) untuk melihat terlebih dahulu sejauh mana sikap dan minat pelajar di Kolej Komuniti terhadap bidang pendidikan teknik dan vokasional memandangkan kedua faktor ini boleh memberi gambaran terhadap tahap kesediaan pelajar itu sendiri terhadap bidang kemahiran (Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim dan Roslina Abd. Talib, 2012; Zainuddin Abu Bakar dan Fadzilah Tumin, 2011; Asnul Dahar Minghat dan Siti Azizah Disun, 2011; Yahya Buntat dan Norliza Ensa, 2010; dan Asnul Dahar Minghat dan Rabiah Sikh Mohamad, 2010). Dapatan kajian ini boleh membantu pengkaji seterusnya dalam mengkaji keberkesanan pembelajaran modular serta perkaitannya dengan sikap dan minat pelajar terhadap bidang pendidikan teknik dan vokasional.

Objektif Kajian

Kajian ini mengemukakan dapatan tentang kesediaan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Selayang yang sedang mengikuti pengajian Sistem Modular Kebangsaan dari aspek hubungan antara minat dan sikap terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV). Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk melihat aspek minat dan aspek sikap pelajar terhadap bidang kemahiran itu sendiri. Selain itu penyelidik juga ingin mengetahui hubungan di antara aspek minat dengan aspek sikap pelajar Kolej Komuniti Selayang terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) serta adakah jantina mempengaruhi sikap dan minat pelajar. Objektif kajian adalah berdasarkan matlamat kajian iaitu :-

1. Mengenalpasti tahap minat pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan.
2. Mengenalpasti tahap sikap pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan.
3. Mengenalpasti hubungan antara aspek minat dan aspek sikap pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibentuk berdasarkan objektif kajian iaitu :

1. Apakah tahap minat pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan?
2. Apakah tahap sikap pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan?
3. Adakah wujud hubungan antara aspek minat dan aspek sikap pelajar terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV) dalam Sistem Modular Kebangsaan?



Kepentingan Kajian

Penyelidik ingin melaksanakan kajian ini supaya dapat menjadi panduan kepada pihak tertentu dengan tujuan berikut:

- **Pelajar**

Memberi garis panduan kepada pelajar dalam membuat pemilihan pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan pendidikan teknik dan vokasional. Secara langsung pengetahuan dan pendedahan yang terperinci semasa mengikuti persekolahan menengah dapat membantu dan memupuk sikap positif pada diri sendiri seterusnya merangsang minat, sikap serta motivasi terhadap pendidikan teknik dan vokasional.

- **Pensyarah**

Dapat menjadi panduan kepada pensyarah dan juga Kolej dalam merancang satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi membolehkan pelajar menguasai dan mempelajari isi pelajaran teknik dan vokasional dengan baik dan mudah serta dapat mengubah sikap dan menimbulkan minat pelajar dalam bidang kemahiran.

- **Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK)**

Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam merancang program-program khas dalam mengarusperdanakan pendidikan teknik dan vokasional disamping peka terhadap masalah yang berbangkit dan seterusnya dapat memperbaiki kelemahan yang wujud dengan sebaik mungkin. Malahan ia juga dapat membantu JPKK dalam menggubal kurikulum yang lebih bersesuaian berdasarkan sikap dan minat belajar pelajar dalam matapelajaran teknik dan vokasional di sekolah akademik.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk tinjauan iaitu data diambil secara kuantitatif menggunakan instrumen utama kajian iaitu borang soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada sampel kajian untuk mendapatkan maklumbalas yang merangkumi beberapa item. Menurut Chua (2011) menyatakan bahawa kajian yang mengumpul data dalam bentuk perbandingan frekuensi serta hanya ingin tahu pemikiran atau pendapat sebahagian besar populasi tanpa melihat mengapa mereka berpemikiran atau berpandangan begitu bolehlah digolongkan sebagai kajian tinjauan. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data-data, membuat inteprestasi (tafsiran), perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulan secara umum). Mohd Majid (1994) pula menyatakan kajian berbentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tambah beliau lagi, kajian tinjauan sesuai digunakan dalam penyelidikan kerana ia bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah. Dalam kajian ini, fenomena yang dikaji oleh penyelidik ialah atribut pelajar Sistem Modular Kebangsaan Kolej Komuniti Selayang dari aspek minat dan sikap terhadap bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional (PTV).

Instrumen Kajian

Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini dan merupakan instrumen yang biasa digunakan di dalam kajian sosial sains (Chua, 2011). Instrumen digunakan oleh kebanyakan penyelidik biasanya sama ada dibentuk penerbit, direka oleh penyelidik itu sendiri atau instrumen piawai (Noraini, 2010). Menurut Chua (2011), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperoleh maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat kualitatif dan kuantitatif; di antaranya ialah maklumat dan data-data dari responden dapat diperolehi



secara terus daripada responden. Selain itu ianya lebih cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan. Set soal selidik ini terdiri dari tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A mengandungi 8 soalan berkaitan demografi; bahagian B pula mengandungi 18 item untuk mengukur tahap minat manakala bahagian C mengandungi 16 item untuk mengukur tahap sikap pelajar. Skala Likert (Edmunson, 2005) yang mempunyai lima tahap/kaedah pengkelasan berbentuk psikometrik, bipolar dan unidimensional digunakan supaya responden dapat membuat satu pilihan jawapan yang paling tepat dan sesuai terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan. Skala Likert mengenal pasti tahap kepercayaan, sikap seseorang, atau perasaan ke arah beberapa objek serta meminta sejauh mana mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan pada skala 5-mata dari skala "sangat setuju" untuk "sangat tidak setuju". Menurut Edmunson (2005) juga indeks skor seharusnya dibina dengan menambahkan item-item berkaitan konsep kajian. Noraini (2010) menyatakan bahawa walaupun skala ini ada menimbulkan sedikit ralat pengukuran, namun begitu:

- i. Ia mudah diurus,
- ii. Itemnya mudah dijawab oleh responden,
- iii. Data yang dipungut adalah lebih tinggi kebolehppercayaan berbanding Skala Thurstone dan Skala Guttman

Seterusnya, skor diberi berasaskan kepada respon dan pandangan peserta kajian di mana skor 1 bagi 'sangat tidak setuju', skor 2 bagi 'tidak setuju', skor 3 bagi 'hampir setuju', skor 4 bagi 'setuju' dan skor 5 bagi 'sangat setuju'. Setiap peserta kajian akan memperolehi skor bagi setiap tahap tumpuan (sikap dan minat) berasaskan jawapan yang diberi dari item soal selidik. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 21.0*.

Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen melalui Kajian Rintis

Kajian ini menggunakan instrumen dari pengkaji terdahulu oleh Asnul Dahar Minghat dan Rabiah Sikh Mohamad (2008) serta Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim dan Roslina Abd. Talib (2012) dan kesahan luaran (*external validity*) telah dibuat di dalam kajian terdahulu. Namun begitu sedikit terma diubahsuai (contoh bidang rekaan fesyen diubah kepada bidang kemahiran PTV) bersesuaian dengan tajuk kajian dan bagi menjimatkan masa kajian (Gay, 1996). Instrumen penyelidikan yang digunakan perlulah mengukur dengan tepat apa yang ingin dikaji dan diukur oleh pengkaji dan perlu mempunyai kesahan yang tinggi bagi memberikan justifikasi ke atas dapatan yang lebih tepat (Noraini, 2010). Selain kesahan luaran, kesahan dalaman sesuatu kajian boleh dibuktikan melalui ujian rintis dan juga penilaian menggunakan analisa *cronbach alpha* (Chua, 2011 dan Mohd Yusri Ibrahim, 2010). Menurut Chua (2011) lagi sampel ujian rintis perlulah melebihi 30 orang bagi memastikan kesahan yang tinggi, namun dalam sesetengah kes di mana populasi kajian terbatas, nilai yang kecil juga mencukupi (Mohd Najib, 1999). Kajian rintis dilakukan sebelum kajian sebenar dibuat. Tujuan kajian rintis dilaksanakan adalah untuk menguji semula kesahan dan kebolehppercayaan item-item soal selidik bagi memastikan anggaran masa pentadbiran soal selidik, kefahaman responden tentang kehendak soalan, tatabahasa dan kejelasan arahan sebelum kajian sebenar dijalankan. Set soal selidik akan diedar kepada responden yang telah dipilih untuk mendapatkan maklumbalas. Bagi menguji kebolehppercayaan data, penyelidik telah mengadakan ujian rintis kepada 14 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian Sistem Modular Kebangsaan di Kolej Komuniti Hulu Langat. Nilai indeks kebolehppercayaan item diuji menggunakan *cronbach alpha* di mana soal selidik bagi minat adalah $\alpha = .926$ dan bagi sikap adalah $\alpha = .951$. Berdasarkan dapatan ini nilai-nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi setiap pembolehubah adalah baik dan sesuai digunakan dalam kajian ini dan pengkaji boleh memulakan kajian.



Populasi Dan Sampel Kajian

Oleh kerana ramai pelajar yang telah tamat pembelajaran dan menghampiri cuti semester semasa kajian di buat, penyelidik telah menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Seramai 50 orang responden terlibat adalah pelajar daripada bidang Kulineri yang sedang mengikuti pengajian dalam bulan Disember 2012 di Kolej Komuniti Selayang. Menurut Mohd Najib (1999), populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama di antara individu dengan individu yang lain, walau bagaimanapun jika populasi kecil, keseluruhan populasi boleh di jadikan sampel (Chua, 2011).

Analisa Dapatan Dan Perbincangan

Analisa Demografi Responden Kajian

Seramai 28 orang (56%) responden kajian terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 22 orang (44%) terdiri daripada pelajar perempuan. Sebahagian besar responden juga terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu, 96% (48 orang) dengan seorang pelajar berbangsa India (2%) dan seorang lagi lain-lain bangsa (2% - bumiputera Sarawak). Tiada pelajar berbangsa Cina di kalangan pelajar SMK Kulineri Kolej Komuniti Selayang ketika kajian dibuat. Seramai 39 orang pelajar (78%) berumur di antara 15 tahun hingga 20 tahun, 9 orang (18%) berumur di antara 21 tahun hingga 25 tahun dan dua orang (4%) pelajar berumur 36 tahun dan ke atas. Kebanyakan responden mempunyai latarbelakang akademik SPM dengan frekuensi seramai 43 orang (86%), enam orang mempunyai Sijil (12%) dan seorang telahpun memiliki Diploma (2%).

Semua responden merupakan pelajar yang sedang mengikuti program modular di Kolej Komuniti dengan tempoh pengajian yang berbeza-beza mengikut modul yang diikuti. Walaupun responden merupakan pelajar SMK Kulineri, bukan semua pelajar mengambil modul jangka pendek yang sama. Terdapat di kalangan responden yang sedang mengikuti SMK satu hingga tiga bulan iaitu seramai 16 orang (32%), ada yang telah mengikuti pengajian selama tiga hingga enam bulan iaitu seramai tujuh orang (14%), dua orang (25%) responden telah mengikuti pengajian selama enam hingga sembilan bulan dan 25 orang (50%) telah mengikuti pengajian lebih daripada 12 bulan. (Rujuk Jadual 2 di bawah).

Jadual 2 : Dapatan Demografi Responden Kajian

Kategori	Item	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	28	56
	Perempuan	22	44
Bangsa	Melayu	48	96
	Cina	0	0
	India	1	2
	Lain-lain	1	2
Umur	15 tahun - 20 tahun	39	78
	21 tahun - 25 tahun	9	18
	36 tahun dan ke atas	2	4
Akademik	SPM (Sijil Pelajaran Malavsia)	43	86
	Sijil	6	12
	Diploma	1	2



Tempoh pengajian	1-3 bulan	16	32
	3-6 bulan	7	14
	6-9 bulan	2	4
	12 bulan ke atas	25	50

Kesimpulannya, dari segi jantina, bilangan responden adalah seimbang dengan sebahagian besar responden merupakan bangsa Melayu dan berumur di antara 15 tahun – 20 tahun; yang kita andaikan merupakan pelajar-pelajar lepasan SPM. Terdapat dua orang pelajar berumur 36 tahun ke atas yang sebenarnya merupakan bekas pesara PERHEBAT ataupun lebih tepat lagi merupakan bekas pesara tentera. Tidak dinafikan program SMK dapat menarik golongan-golongan yang ingin mencari kemahiran baharu atau meningkatkan pengetahuan kemahiran sedia ada bagi tujuan mencari peluang kerjaya kedua ataupun menjana pendapatan sampingan. Penglibatan pesara tentera dalam program-program pendidikan teknik dan vokasional wajar dikaji di masa akan datang bagi melihat faktor-faktor yang mendorong pesara tentera ini mengikuti pendidikan teknik dan vokasional. Selain dari itu, faktor kecenderungan bangsa tertentu dalam mengikuti bidang kemahiran pendidikan teknik dan vokasional juga perlu dikaji kerana berdasarkan dapatan ini, tiada pelajar berbangsa Cina sedang mengikuti SMK di Kolej Komuniti Selayang ketika kajian dijalankan. Pada pandangan pengkaji, perkara ini agak membimbangkan memandangkan Kolej Komuniti Selayang merupakan kolej di pinggir bandar yang mana dengan jumlah penduduk berbangsa Cina adalah seramai 114,218 orang dan jumlah penduduk India seramai 7,188 orang (sumber Laporan Bancian Penduduk Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2000). Seharusnya lebih ramai golongan bukan Melayu ada mengikuti pengajian dalam bidang teknik dan vokasional di Kolej Komuniti Selayang dan ini perlu di beri perhatian dalam kajian di masa hadapan.

Analisa Minat Pelajar Terhadap Bidang Teknik dan Vokasional

Berdasarkan dapatan analisa minat pelajar terhadap bidang teknik dan vokasional di Jadual 3, pengkaji mendapati bahawa 4 item soalan mendapat min skor di antara 3.70 hingga 3.99 yang menunjukkan “hampir setuju” dan amat menghampiri “setuju” (4.00) dengan pernyataan soalan yang dikemukakan. Soalan – soalan tersebut adalah : soalan nombor 5 “*Mempelajari teknik dan vokasional secara modular tidak membosankan saya*”, soalan nombor 6 “*Aktiviti pembelajaran teknik dan vokasional secara modular adalah berpusatkan pelajar (student-centered)*”, soalan nombor 8 “*Saya terpengaruh dengan program TV yang berkaitan dengan bidang teknik dan vokasional*” dan soalan nombor 9 “*Saya terpengaruh dengan buku/majalah yang berkaitan dengan bidang teknik dan vokasional*”. Pengkaji merasakan bahawa item soalan mungkin perlu ditambah baik di dalam kajian yang akan datang bagi memberikan keputusan yang lebih tepat.

Satu soalan memberikan min skor 3.32 yang menunjukkan kelemahan pernyataan “hampir setuju” iaitu pernyataan soalan nombor 13 yang menyatakan “*Saya memilih kursus teknik dan vokasional secara modular atas kehendak keluarga saya*” dan ini kerana 49 responden setuju (min skor 4.10) bahawa pilihan kursus dalam bidang teknik dan vokasional ini adalah di atas kehendak mereka sendiri (item soalan nombor 12 “*Saya memilih kursus teknik dan vokasional secara modular atas kehendak saya*”). Responden menjawab “setuju” (min skor 4.00 hingga 4.35) bagi 13 item soalan yang lain (soalan 1, 2, 3, 4, 7, 10, 11, 12 & 14). Keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa min skor bagi tahap minat pelajar terhadap bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional) adalah di tahap “setuju”, min skor 4.00. Pengkaji merumuskan bahawa pelajar-pelajar SMK di Kolej Komuniti Selayang menunjukkan minat yang tinggi dalam bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional). Dapatan ini juga selari dengan kajian ke atas pelajar-pelajar aliran vokasional yang bersetuju bahawa minat



merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari (Asnul Dahar Bin Minghat, Kandar Bin Selamat & Hartini Binti Mohd Rejab, 2010).

Jadual 3: Dapatan Analisa Minat

Bil.	Item soalan	N	Min	SP
1.	Saya amat berminat mempelajari bidang teknik dan vokasional secara modular	50	4.02	.937
2.	Saya amat gembira berpeluang mengikuti bidang teknik dan vokasional secara modular	50	4.10	.647
3.	Saya suka belajar teknik dan vokasional secara modular	49	4.10	.714
4.	Mempelajari teknik dan vokasional secara modular memberi kesan dalam kehidupan saya	50	4.06	.913
5.	Mempelajari teknik dan vokasional secara modular tidak membosankan saya	50	3.96	.903
6.	Aktiviti pembelajaran teknik dan vokasional secara modular adalah berpusatkan pelajar (<i>student-centered</i>)	50	3.78	.790
7.	Aktiviti pembelajaran teknik dan vokasional secara modular memberi kepuasan kepada saya	48	4.04	.771
8.	Saya terpengaruh dengan program TV yang berkaitan dengan bidang teknik dan vokasional	50	3.76	.870
9.	Saya terpengaruh dengan buku/majalah yang berkaitan dengan bidang teknik dan vokasional	50	3.82	.873
10.	Saya suka matapelajaran berkaitan kerja amali dan kemahiran teknikal	49	4.04	.841
11.	Saya suka melakukan kerja yang menggunakan kemahiran dan peralatan (contoh mesin jahit, komputer, mesin pemotong, pengisar dan sebagainya)	50	4.12	.940
12.	Saya memilih kursus teknik dan vokasional secara modular atas kehendak saya	49	4.10	.848
13.	Saya memilih kursus teknik dan vokasional secara modular atas kehendak keluarga saya	50	3.32	1.236
14.	Saya seronok sepanjang mengikuti kelas teknik dan vokasional modular	50	4.12	.718
15.	Pembelajaran modular bagi bidang teknik dan vokasional membolehkan saya cepat faham	50	4.04	.856
16.	Pembelajaran modular bagi bidang teknik dan vokasional membolehkan saya cepat mahir dalam kemahiran yang disasarkan oleh pensyarah	50	4.20	.833
17.	Bidang teknik dan vokasional penting dalam kerjaya saya untuk masa akan datang	48	4.35	.785
18.	Bidang teknik dan vokasional merupakan impian saya selama ini	50	4.08	.900

Analisa Sikap Pelajar Terhadap Bidang Teknik dan Vokasional

Berdasarkan dapatan analisa sikap pelajar terhadap bidang teknik dan vokasional di Jadual 4, pengkaji mendapati bahawa 5 item soalan mendapat min skor di antara 3.92 hingga 3.96 yang menunjukkan “hampir setuju” dan amat menghampiri “setuju” (4.00) dengan



pernyataan soalan yang dikemukakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir sikap pelajar SMK di Kolej Komuniti Selayang yang kebanyakannya awal remaja (15 – 18 tahun), perlu diubah bagi meningkatkan lagi minat mereka terhadap bidang kemahiran. Pengajar perlu berani dan kreatif dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di kelas dengan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi mengubah sikap pelajar-pelajar ini; seterusnya menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menarik. Seterusnya Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd. Talib (2012) berpandangan bahawa bagi meningkatkan pencapaian dan meningkatkan minat serta motivasi pelajar seharusnya pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar seperti model konseptual, simulasi dan pembelajaran kooperatif diamalkan agar dapat membentuk sikap yang lebih positif di kalangan pelajar.

Responden menjawab “setuju” (min skor 4.00 hingga 4.53) bagi 11 item soalan yang lain (soalan 19, 21, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 33 & 34). Keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa min skor bagi tahap sikap pelajar terhadap bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional) adalah di tahap “setuju”, min skor 4.11. Pengkaji merumuskan bahawa pelajar-pelajar SMK di Kolej Komuniti Selayang menunjukkan sikap yang positif dalam bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional) hanya sebahagian kecil yang mungkin belum dapat menerima bidang kemahiran dengan baik.

Jadual 4: Dapatan analisa sikap

Bil.	Item soalan	N	Min	SP
19.	Pembelajaran modular meningkatkan minat saya dalam bidang teknik dan vokasional	49	4.08	.640
20.	Saya mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran teknik dan vokasional secara modular	50	3.92	.778
21.	Pembelajaran modular meningkatkan keinginan saya untuk mempelajari teknik dan vokasional secara mendalam	43	4.23	.649
22.	Saya sentiasa melengkapkan nota	50	3.94	.867
23.	Saya sentiasa menumpukan perhatian sepanjang sesi pembelajaran	50	3.92	.778
24.	Saya sentiasa menyelesaikan tugas yang diberi	50	3.96	.755
25.	Saya suka menghadiri kelas setiap hari	50	4.34	.717
26.	Saya berazam untuk lulus cemerlang dalam pengajian saya	49	4.53	.616
27.	Saya akan berasa kesal jika saya tidak menghadiri kelas	50	4.24	.847
28.	Saya bersedia mempelajari bidang teknik dan vokasional baharu	50	4.20	.728
29.	Saya sentiasa mengikuti perkembangan bidang teknik dan vokasional	50	4.12	.746
30.	Saya sentiasa mengikuti perkembangan kerjaya dalam bidang teknik dan vokasional	49	3.96	.789
31.	Saya bersedia dikritik dalam kerja yang saya lakukan	49	4.20	.676
32.	Saya sanggup membuat bacaan tambahan berkaitan bidang dipelajari	50	4.00	.833
33.	Saya bersedia menerima cabaran dalam bidang teknik dan vokasional baharu	50	4.04	.832
34.	Bidang teknik dan vokasional menarik minat saya	50	4.22	.887



Analisa Hubungan Di antara Sikap dan Minat Pelajar Terhadap Bidang Teknik dan Vokasional

Pengkaji menggunakan pekali korelasi Pearson di dalam SPSS untuk mengkaji hubungan yang signifikan di antara sikap dengan minat terhadap bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional) seperti dapatan di Jadual 5.

Jadual 5 : Analisa Hubungan Di antara Sikap dengan Minat terhadap Bidang Kemahiran

		SIKAP	MINAT
SIKAP	Pearson Correlation	1	.836**
	Sig. (2-tailed)		.000
MINAT	Pearson Correlation	.836**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	

Chua (2008) menyatakan bahawa nilai pekali korelasi pearson, p adalah tidak menunjukkan hubungan yang signifikan apabila $p > .05$. Dapatan analisa SPSS pekali korelasi Pearson menunjukkan dapatan p adalah .00 dan pengkaji merumuskan bahawa sikap dengan minat adalah berkait secara signifikan dengan nilai pekali $r = .836$ menunjukkan perkaitan yang kuat. Kesan dari minat dan sikap yang positif, mampu mendorong pelajar berfikir kritis, bersikap aktif di dalam kelas, boleh berkerjasama dalam kumpulan, meningkatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi (Zulzana et al., 2012). Beliau juga bersetuju bahawa pengajar perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pendekatan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan menarik untuk meningkatkan minat pelajar di dalam sesuatu matapelajaran serta sentiasa peka dan sensitif pada sikap pelajar yang diajarnya. Pengkaji juga mendapati bahawa hasil analisa perkaitan menggunakan kaedah Spearman's rho, jantina responden dengan minat tidak mempunyai hubungan secara signifikan ($r = -.06$, sangat lemah) dengan pekali $p = .971$ melebihi .05 manakala jantina dengan sikap juga tidak mempunyai hubungan secara signifikan ($r = .048$, lemah) dengan pekali $p = .767$ melebihi .05. Walaubagaimanapun, memandangkan tujuan asal kajian bukan untuk mengkaji perkaitan di antara jantina dengan minat dan sikap, maka pengkaji hanya melaporkan dapatan ini sebagai salah satu penemuan yang mungkin boleh dijadikan asas kepada kajian yang lebih mendalam di masa hadapan.

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan penemuan-penemuan yang telah dibincangkan, pengkaji merumuskan bahawa minat dan sikap pelajar-pelajar Sijil Modular Kebangsaan (SMK) Kolej Komuniti Selayang adalah positif dan di tahap tinggi keseluruhannya terhadap bidang kemahiran (pendidikan teknik dan vokasional). Pengkaji juga mendapati wujudnya hubungan yang kuat secara signifikan di antara minat dan sikap dengan kecenderungan terhadap bidang kemahiran. Perkara ini turut dipersetujui oleh Zulzana et. al. (2012) yang menyatakan bahawa minat dan sikap pelajar perlu sentiasa dipupuk bagi meningkatkan pencapaian pelajar serta menjadi pengukur kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu, Othman Bin Md. Johan dan Rahmadhaniah Binti Abdul Majid (2008) mendapati bahawa faktor pensyarah yang paling banyak mendorong pemilihan kerjaya seseorang di dalam bidang kemahiran, diikuti oleh faktor rakan dan minat. Namun pengkaji merasakan tanpa minat yang mendalam dan sikap yang positif ke atas sesuatu bidang atau matapelajaran, pelajar mungkin sukar untuk cemerlang di dalam pembelajarannya. Pelajar perlulah sedar bahawa sikap mereka dapat mempengaruhi pencapaian cemerlang mereka (Asnul Dahar Minghat & Siti Azizah Disun, 2011). Selain dari itu generasi hari ini perlu diberi pelajaran di dalam bidang ilmu yang benar-benar mereka minati sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi nanti



(Zainuddin Abu Bakar & Fadzilah Tumin, 2011).

Rujukan

- Abdul Hakim Mustor (2006). *Pendidikan Selepas SPM*, Edisi 2. Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmed Al-Sa'd (2007). Evaluation of Student's Attitudes towards Vocational Education in Jordan. Phd Dissertation. Malmö University. Retrieved from <http://dspace.mah.se/handle/2043/5259>
- Anne E.Blackhurst, Richard W.Auger & Kay Herting Wahl (2003). Children's Perceptions of Vocational Preparation Requirements. *Profesional School Counseling*, 58-67.
- Asnul Dahar Minghat & Rabiah Sikh Mohamad. (2010). *Kesediaan Pelajar Dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang*, pp. 1-9. (artikel yang tidak diterbitkan). Dicapai pada 10 Oktober 2012. Dari <http://eprints.utm.my/10292/>
- Asnul Dahar Bin Minghat, Kandar Bin Selamat & Hartini Binti Mohd Rejab (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesediaan Pelajar-pelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari*. (artikel yang tidak diterbitkan).
- Asnul Dahar Minghat & Siti Azizah Disun. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Di Daerah Muar, Negeri Johor, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4(2011), 58-76,
- Atan Long. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman, Syahrul Fahmy M.Naim Yaakub & A.Aziz Jemain (2002). Benefit, Monitoring & Evaluation System : A Case Study of Malaysian Technical Education System. *Informing Science*.
- Bahagian Pengambilan Pelajar, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Statistik Kemasukan, Enrolmen dan Graduan Kolej Komuniti 2001-2011
- Carl and Deborah Bingham (1998). Vocational Education's Image For the 21st Century. *ERIC Digests*, 1-8.
- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal (Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 3)*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 1 Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches, 3rd Ed.*, Thousand Oaks, California : SAGE Publications Inc.
- Crites. P. (1969). *Vocational Psychology The Study of Vocational Behavior and Development*. London : Mc Craw Hill Book Company.
- Crow dan Crow (1988), *Psikologi Pendidikan Untuk Guru*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Edmunson, D. R. (2005). Likert Scale: A History, *CHARM Article*. Dicapai pada 1 Disember 2012. Dari <http://faculty.quinnipiac.edu/charm/CHARM%20proceedings/CHARM%20article%20archive%20pdf%20format/Volume%2012%202005/127%20edmondson.pdf>
- Ee Ah Meng (1991), *Pendidikan Sebagai Satu Proses*. Kuala Lumpur.Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng. (1996). *Psikologi Pendidikan Dalam Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Faridah Mariani Johari (1998), *Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Dungun, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Gay, L. R. (1996). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.



- Ginzberg Eli (1951), *Occupational Choice, An Approach To A General Theory*. New York, Colombia : University Press
- Habibah Mohd Samin (1997), *Kerjaya: Ambil Kira Ketrampilan Pelajar*. Berita Harian, 23 Jun 1980
- Holland, J.L. (1985). *Making Vocational Choices: A Theory of Choices & Work Environment*. Prentice- Hall Inc.
- Ismail Shaari (1994). *Sistem Pemilihan Dan Perancangan Kerjaya Untuk Peringkat Sekolah Menengah Atas*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda (tidak diterbitkan)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1978), *Siaran Perangkaan Tahunan*". Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.
- Jamunarani (2011). Tinjauan Ke Atas Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Sungai Siput Dalam Penerimaan Sijil Modular Kebangsaan. Data dari <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/penerbitan/files/combine-FINAL.pdf>
- Jandhyala B G Tilak (2002). *Vocational Education and Training In Asia*. The Handbook on Educational Research in the Asia Pasific Region. New Delhi: Kluwer Academic Publishers.
- Kamarudin Tahir, Zulkifli Ariffin, Norliza Azis, Faisal Abd Rahman. (2010). Sijil Modular Kebangsaan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Kertas Prosiding Seminar MyTEDT 10'*. Sintok, Kedah : UUM.
- Kamus Dewan (1994), Dewan Bahasa Dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lankard dan Bettina A (1994). Employers' Expectations of Vocational Education. *ERIC Digest*. 149, 1- 6.
- Majlis Perbandaran Selayang. (2000). *Laporan Bancian Penduduk Tahun 2000*. Data dicapai pada 25 November 2012. Dari <http://www.mps.gov.my/web/guest/penduduk>
- Martin Fischer. (1996). *Competing Approaches Towards Work Process Orientation in German Curriculum Development*. Institut Technik und Bildung (Institute of Technology and Education), German : University of Bremen.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Asas Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Bimbingan Cepat: Analisis Data Penyelidikan untuk Pendidikan & Sains Sosial*. Kuantan, Pahang : Bandar Ilmu.
- Mohd. Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur ;Dewan Bahasa dan Pustaka
- Musa Daia (1997). *Aspek Pendidikan Yang Diperlukan Remaja*. Dewan Ekonomi. Jilid 4, Mei 1973. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub (1993). *Guru dan Perguruan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlia Melawi (2000), *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia Memilih Kerjaya Perguruan: Satu Tinjauan*
- Nwagwu, J.U. (2003). *Alleviating Poverty through Vocational Education : The Nigerian Experience*. Faculty of Education, Lmo State University Owerri: Nigeria.
- Othman Md. Johan & Rahmadhaniah Abdul Majid. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Sesi 2007/2008, Fakulti Pendidikan UTM, Skudai*. Data dicapai pada 3 November 2012. Dari <http://eprints.utm.my/11050/1/Faktor.pdf>
- Philip Ukin (2002), *Satu Kajian Mengenai Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Tingkatan 1 Dan 2 Di Sekolah Menengah Kerajaan Batang Igan, Sibul, Sarawak*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.



- Quek, A.H (1995), *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-Pelajar Di Tingkatan Enam*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Rahil Mahyuddin. (1995). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlee Mustapha & James P.Greenan (2002). The Role of Vocational Education in Economic Development in Malaysia : Educators' and Employers' Perspectives. *Journal of Industrial Teacher Education*.39(2)
- Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin dan Hamdan Mohd Ali (2003). Integrasi Akademik Dan Vokasional : Rasional Dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan*. 28.77-90.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh. 2009. *Bab 5 : Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia*. Dicapai pada 28 Disember 2012. Dari <http://www.slideshare.net/Fadzliaton/rancangan-malaysia-ke10-bab-5-pendidikan>
- Rashid. (2006). *Persepsi Guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Zon Skudai, Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia, Tesis Sarjana Muda.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). *Psikologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suriyati Yaapar (2004). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Teknik Melaka Tengah, Melaka Memilih Aliran Pendidikan Teknik Dan Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda Pendidikan.
- Wahid Hashim (2011). Sistem Baru Pendidikan Vokasional. Utusan Malaysia. 10 September 2011.
- Webpage Kolej Komuniti Rompin <http://www.kkrompin.edu.my/akademik/kursus-sepenuh-masa/pengenalan-sijil-sepenuh-masa.html>
- Yahya Buntat dan Norliza Ensa (2010) *Minat Pelajar Wanita Dalam Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Sekolah..* pp. 1-9. (artikel yang tidak diterbitkan). Dicapai pada 20 November 2012. Dari <http://eprints.utm.my/11172/>
- Zainuddin Abu Bakar dan Fadzilah Tumin. (2011). Hubungan di antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa dengan Prestasi Terbaik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Psikologi Dan Kaunseling*, (2011), 25-43,
- Zamrah Yaacob. (1999). *Satu kajian mengenal pasti faktor-faktor kelemahan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas, Kelantan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim dan Roslina Abd. Talib. (2012). Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement”, *Prosiding Seminar Pendidikan 2012 (EduSem'12) Politeknik Port Dickson*. (artikel yang tidak diterbitkan) Dicapai pada 15 November 2012. Dari <http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/1EduSem12.pdf>

